

Menjadikan Pulau Pinang bandar selamat

u.m 3/7/07 M/S 10

Oleh NURUL HUDA HASSAN
(WARTAWAN UTUSAN)

KELMARIN projek inisiatif Bandar Selamat yang diperkenalkan semula oleh Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Koh Hong Sun dilancarkan sepenuhnya seajar dengan usaha menyediakan persekitaran selamat dan aman di negeri ini.

Pelaksanaan semula konsep Bandar Selamat yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan kerjasama orang ramai dalam pencegahan jenayah itu telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon di Lebuhraya Macallum.

Konsep Bandar Selamat yang diperkenalkan semula di Pulau Mutiara ini turut mendapat sokongan dan restu kerajaan negeri dan juga Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Apa yang menarik, pendekatan yang diguna pakai dalam konsep Bandar Selamat kali ini akan membabitkan penglibatan orang ramai secara langsung, pihak berkuasa tempatan (PBT), organisasi swasta dan badan-badan lain bagi bersama-sama mengurangkan peluang jenayah berlaku.

Serentak dengan pelaksanaan itu juga, satu rombakan besar-besaran bagi penempatan semula anggota polis di setiap daerah di Pulau Pinang turut dilaksanakan.

Malah, semua Ibu Pejabat Polis Dae-

rah (IPD) di negeri ini juga melaksanakan program desentralisasi bagi membolehkan lebih ramai pegawai dan anggota dikerah keluar membuat rondaan, bukan sekadar duduk di pejabat menunggu laporan.

Polis di negeri ini juga dilihat sudah bersiap sedia untuk melaksanakan tugas serta tanggungjawab menjalankan semula konsep tersebut yang sebelum ini mula diperkenalkan di Bangsar pada Oktober 1998.

Hong Sun berkata, usaha mewujudkan semula inisiatif Bandar Selamat itu diyakini lebih berjaya berbanding kegagalan pelaksanaannya sebelum ini di kawasan Bukit Jambul beberapa tahun lalu ekoran faktor tertentu.

Jelasnya, melalui inisiatif itu, pasukan polis akan mengerahkan lebih ramai anggotanya untuk turun ke padang dan mengadakan rondaan bagi memastikan kawasan kejiranan selamat dan bebas dari kegiatan jenayah.

"Enam anggota polis akan ditempatkan untuk tinggal di sesebuah kawasan kejiranan contohnya rumah pangsa dan sekurang-kurangnya 20 anggota lagi untuk menjalankan rondaan sama ada dengan kereta, basikal, bermotosikal atau berjalan kaki di sekitar kawasan terbabit.

"Kita tidak perlu terlalu ramai pegawai dan anggota duduk di pejabat tetapi yang lebih penting mereka perlu berada di setiap jalan dan lorong untuk me-

mantau keadaan persekitaran sejajar dengan arahan Ketua Polis Negara yang mahu mereka menjalankan tugas hakiki lebih berkesan," katanya.

Tambahnya, langkah menempatkan lebih ramai pegawai dan anggota yang lebih fleksibel dan mobil di beberapa kawasan strategik berisiko tinggi di negara ini dibuat selaras dengan usaha menghapuskan kadar jenayah di negeri ini.

Selain itu jelasnya, Rondaan Pencegahan Jenayah 'Ala Chips', Kod Kereta Ronda Kontinjen Pulau Pinang dan Rondaan Berjalan Kaki turut diperkenalkan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

Jelas beliau, rondaan selama 12 jam bermula dari pukul 10 pagi setiap hari itu diketuai seorang pegawai berpangkat Asisten Supritendan (ASP) atau Cif Inspektor bersama dua anggota lain di zon yang dikenal pasti sebagai lokasi kegiatan jenayah.

"Pada masa yang sama, polis akan melakukan rondaan lebih kerap di kawasan-kawasan sunyi dan terencil di samping menempatkan lebih banyak kenderaan bergerak polis di tempat-tempat tumpuan awam.

"Kita mahu orang ramai rasa selamat dan selesa walau ke mana sahaja mereka pergi pada sepanjang masa contohnya di pasar atau di kawasan membeli-belah," ujarnya.

Mengulas lanjut, Hong Sun memberi-

tahu, konsep Bandar Selamat menekankan usaha pencegahan jenayah melalui persekitaran dengan bantuan kerajaan antaranya dengan memastikan lampu-lampu jalan berfungsi dengan baik dan menambah hump di jalan raya.

Menurutnya, dalam konsep pembangunan komuniti juga orang awam diseru memainkan peranan mengenali jiran-jiran mereka dengan bertukar-tukar nombor telefon dan mengambil tahu supaya senang apabila sesuatu perkara berlaku.

"Kita juga akan meneruskan usaha-usaha pencegahan dari aspek pendidikan dengan mencetak buku-buku, risalah mengenai perkara dan usaha berkaitan jenayah.

"Kita juga bercadang untuk memberikan wisel kepada orang awam supaya jika ada jenayah berlaku mereka boleh meniupnya untuk memberitahu mengenai sesuatu kejadian," katanya.

Dalam pada itu, bagi memperkukuhkan pelaksanaan konsep tersebut, satu jawatankuasa khas akan diwujudkan dan dianggotai oleh wakil rakyat, pemimpin Rukun Tetangga (RT), Rela dan PBT di seluruh Pulau Pinang.

Jawatankuasa tersebut bertujuan memantau perjalanan inisiatif Bandar Selamat dan selain mencegah jenayah, mereka yang terlibat juga boleh mengemukakan sebarang cadangan untuk menjadikan kawasan mereka selamat didiami.